

Belia bebas dadah



BERI PERINGATAN... Pengiran Datuk Daud Pengiran Putera menyampaikan ucapan pada Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Antidadah dan Komuniti 2024 di Dewan Sri Kenyalang, UPMKB.

BINTULU: Gejala penyalahgunaan dadah kini dianggap sebagai ancaman besar kepada masa depan belia di negara ini, terutama dengan urbanisasi pesat yang mendedahkan

golongan muda kepada pelbagai cabaran sosial.

Justeru, Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Antidadah dan Komuniti 2024 bertemakan 'Revolusi Minda: Cabaran Dadah dalam Kalangan Remaja, Kanak-Kanak dan Keluarga', dilihat sebagai langkah proaktif untuk memupuk kesedaran sejak usia muda.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jepak, Iskandar Turkee berkata, program seumpama itu amat penting untuk melindungi generasi muda daripada ancaman penyalahgunaan dadah.

"Tidak dapat dinafikan bahawa belia kini berhadapan dengan cabaran dadah seiring dengan urbanisasi yang pesat.

"Gejala penyalahgunaan dadah sudah tentu akan menjaskan kualiti modal insan kita jika tidak ditangani dengan proaktif kerana dadah adalah

musuh negara," ujarnya.

Beliau berkata demikian menerusi teks ucapan yang dibacakan oleh wakilnya, Pengiran Datuk Daud Pengiran Putera pada perasmian program berkenaan di Dewan Sri Kenyalang, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB)

semalam.

Tegasnya, remaja haruslah memiliki keupayaan berfikiran rasional untuk membezakan antara baik dan buruk atas setiap tindakan yang dilakukan.

Sementara itu, sekitar 100 pelajar dari Sekolah Kebangsaan (SK) Agama Bintulu,

Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kemena dan SMK Baru Bintulu diberi pendedahan mengenai bahaya penyalahgunaan dadah melalui pelbagai aktiviti, bertujuan mengasah kemahiran insaniah seperti komunikasi, kerjasama dan empati.



BERI PERHATIAN... Para pelajar fokus mendengar ceramah sempena Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Antidadah dan Komuniti 2024 di UPMKB.



DADAH MUSUH NEGARA... Pengiran Datuk Daud Pengiran Putera dan pelajar yang menjayakan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Antidadah dan Komuniti 2024 di UPMKB.